



SITTI bergambar kenangan bersama pelajar SMK Merpati yang mengadakan lawatan sambil belajar ke SPL UMS Sandakan.

64 pelajar SMK Merpati kunjungi SPL Sandakan

UB 13.4.2012 B5

SANDAKAN: Seramai 64 pelajar SMK Merpati telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan, baru-baru ini.

Rombongan sekolah itu diketuai Hasbi Mohd bersama enam guru pengiring.

Ketibaan rombongan SMK Merpati diraikan oleh Dekan SPL, Dr Sitti Raehanah Muhamad Shaleh, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr Suzan Benedick @Sarah Abdullah, Timbalan Dekan Penyelidikan dan

Inovasi, Dr Muhamadou Boujie Jalloh dan Ketua Program Pengeluaran dan Ternakan, Dr Bonaventure Boniface.

Pegawai Sekolah Pertanian Lestari yang hadiri termasuk Dr Kiron Deep Singh Kanwal, Roslan Hj Gimba, Santy Karim (Pegawai Pertanian), Hamdy Roslie (Pegawai Pertanian), Malcolm Boxie Jilimin (Pegawai Sains) dan Dg Zuraidyah Hj Mohd Yunus.

Sambil mengalu-alukan kehadiran guru dan pelajar SMK Merpati mengadakan lawatan sambil belajar ke

SPL UMS Kampus Sandakan itu, Sitti menekankan betapa pentingnya bidang pertanian sebagai tunjang ekonomi negara.

Katanya, selain memenuhi keperluan makanan sedunia bidang pertanian adalah pemacu kepada pembangunan sektor lain seperti pendidikan, perlindungan dan perkhidmatan.

Dalam pada itu, Sarah menyampaikan taklimat tentang program pengajian yang ditawarkan di SPL iaitu Pengeluaran Tanaman, Program Lanskap dan Hortikultur dan Program

Pengeluaran Ternakan.

Beliau mengalu-alukan pelajar untuk menyambung pengajian dalam bidang pertanian di SPL.

Bonaventure (Ketua Program Pengeluaran dan Ternakan) turut menyampaikan ceramah motivasi "kunci kejayaan dalam diri" bagi menyuntik semangat dan kesungguhan pelajar untuk terus berusaha dengan gigih sehingga ke menara gading.

Para pelajar dan guru turut dibawa melawat kemudahan makmal, asrama dan ladang di sekitar SPL.